



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN INSENTIF SENI – KEWANGAN BAGI TAHUN 2024
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN)**

1. Insentif Seni - Kewangan

- 1.1 Bantuan kewangan bagi **menampung sebahagian kos program/aktiviti seni dan budaya.**
- 1.2 **Maksimum** pemberian bantuan adalah **tidak melebihi RM15,000.00.**

2. Skop Program/ Aktiviti

- 2.1 Berikut adalah skop program / aktiviti yang akan dipertimbangkan untuk bantuan:
- (i) Pembangunan Kandungan;
 - (ii) Pembangunan Kapasiti dan Sidang Keilmuan;
 - (iii) Penyelidikan dan Pembangunan Seni Budaya ;
 - (iv) Pembangunan Modal Insan Seni;
 - (v) Program Jangkauan Seni Budaya dan
 - (vi) Program Penyemarakan Seni Budaya.
- 2.2 Keutamaan pertimbangan adalah program/ aktiviti seni budaya seperti berikut:
- (i) Berasaskan seni, budaya dan warisan Malaysia;
 - (ii) Mengangkat seni, budaya dan warisan Malaysia;
 - (iii) Bidang seni yang dibawah penyeliaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

2.3 Bidang seni dan budaya tradisional yang dipertimbangkan adalah seperti berikut;

- (i) Adat dan budaya
- (ii) Teater
- (iii) Muzik Tradisional
- (iv) Tarian Malaysia
- (v) Puisi Tradisional
- (vi) Permainan Tradisional
- (vii) Seni Mempertahankan Diri Tradisional

2.4 Penganjuran program/ aktiviti yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik.

3. Syarat - Syarat Kelayakan Permohonan

Pihak yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

Syarat-Syarat Kelayakan	
Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan	Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan
<p>(i) NGO berkaitan seni, budaya dan warisan yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966;</p>	<p>(i) Orang perseorangan dan syarikat.</p> <p>(ii) NGO yang tidak berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengikut Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966.</p> <p>(iii) Pertubuhan politik termasuk Pusat Khidmat Masyarakat.</p> <p>(iv) Bidang seni NGO atau program yang bukan di bawah penyeliaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.</p> <p>(v) NGO/organisasi yang telah menerima bantuan kewangan di bawah Jabatan/ Agensi di bawah MOTAC untuk pelaksanaan program yang sama bagi tahun semasa.</p> <p>(vi) NGO/organisasi yang menunjukkan prestasi tidak memuaskan dalam</p>

Syarat-Syarat Kelayakan	
Pihak Yang Layak Diberi Pertimbangan	Pihak Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan
	<p>penggunaan bantuan yang telah diterima sebelum ini.</p> <p>(vii) NGO/organisasi yang tidak mengemukakan laporan pelaksanaan program terdahulu seperti mana yang disyaratkan.</p> <p>(viii) NGO/organisasi yang tidak melaksanakan program pada tahun semasa.</p> <p>(ix) NGO/organisasi yang tidak memulangkan wang bantuan Insentif Seni-JKKN/MOTAC kerana tidak melaksanakan program dalam tahun semasa.</p> <p>(x) NGO/organisasi yang dikenalpasti tidak sopan, kasar dan berkelakuan buruk semasa berurusan dengan pihak urus setia/ jabatan/ agensi.</p> <p>(xi) NGO/organisasi yang berdaftar yang mementingkan keuntungan (<i>profit oriented</i>).</p> <p>(xii) NGO/organisasi yang telah dibatalkan pendaftarannya.</p> <p>(xiii) NGO/organisasi yang telah disenaraihitamkan oleh MOTAC dan agensi-agensi di bawahnya.</p>

4. Prosedur Permohonan

- 4.1 Semua pemohon **WAJIB** mendaftar sebagai **NGO Seni Budaya JKKN** di dalam laman sesawang Rumah Seni JKKN di (<https://rumahsenijkn.my/>).
- 4.2 Permohonan hendaklah dilakukan melalui laman sesawang Rumah Seni JKKN di (<https://rumahsenijkn.my/>), secara dalam talian di bahagian Insentif Seni dan mengisi setiap kotak dengan lengkap sebelum klik hantar.

- 4.3 Permohonan wajib dihantar secara dalam talian melalui JKKN negeri bagi mendapatkan ulasan Pengarah JKKN negeri.
- 4.4 Pertimbangan hanya kepada program yang dilaksanakan antara **Mac 2024 sehingga 15 Oktober 2024 sahaja**. Program yang akan dilaksanakan selepas **15 Oktober 2024 akan DITOLAK**.
- 4.5 Program dan aktiviti hendaklah mempunyai **impak kepada pengembangan seni dan budaya di Malaysia dan selari dengan bidang keutamaan, dasar serta objektif jabatan ini**.
- 4.6 Pemohon hanya boleh mengemukakan **satu (1) permohonan program / aktiviti dalam tahun semasa sahaja**. Sekiranya permohonan pertama ditolak atau tidak berjaya, NGO boleh membuat permohonan baharu.
- 4.7 Setiap permohonan yang lengkap akan merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) Senarai Semak;
 - (ii) Surat Permohonan;
 - (iii) Borang Permohonan Insentif Seni (secara dalam talian)
 - (iv) Kertas Kerja Program/ Aktiviti yang lengkap (secara atas talian)
 - (v) Salinan Sijil Pendaftaran Atau Sijil Perakuan Pendaftaran ROS bagi NGO dan salinan sijil SSM bagi NPO;
 - (vi) Salinan Perlembagaan Persatuan (NGO);
 - (vii) Profil Persatuan yang merangkumi maklumat tersebut;
 - a) Visi, misi dan tujuan penubuhan;
 - b) Jumlah ahli yang berdaftar sama ada aktif atau tidak aktif; dan
 - c) Senarai program terdahulu dan pengalaman/pencapaian.
 - (v) Salinan Penyata Kewangan Persatuan bagi Tahun 2023;
 - (vi) Salinan Penyata Akaun Bank Persatuan dan bertransaksi (tiga bulan terkini semasa permohonan dibuat);
 - (vii) Ulasan Pengarah JKKN negeri/ Bahagian (negeri tempat NGO berdaftar); dan
 - (viii) Dokumen sokongan tambahan yang berkaitan (sekiranya ada).
- 4.8 Borang Permohonan dan dokumen yang tidak lengkap seperti di Perkara 4 Prosedur Permohonan (4.3), (4.6) dan (4.7) akan **DITOLAK**.
- 4.9 Permohonan **tidak boleh lewat daripada 60 hari** dari tarikh pelaksanaan program ATAU mesyuarat JIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran

permohonan. Bagi program dan aktiviti bersifat antarabangsa yang dilaksanakan dalam Malaysia adalah **tidak lewat daripada 90 hari** dari tarikh pelaksanaan program dan memerlukan kelulusan daripada PUSPAL, Kementerian Komunikasi dan Digital, ATAU mesyuarat JIS-K ATAU tarikh tutup penghantaran permohonan. Permohonan yang diterima selepas dari tarikh tutup **tidak akan dipertimbangkan**.

5. Tarikh Tutup, Mesyuarat dan Keputusan Permohonan

TARIKH MULA PERMOHONAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN PERMOHONAN KE URUS SETIA JIS-K OLEH JKKN NEGERI	TARIKH MESYUARAT JIS-K	PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN
PEMOHON		JKKN NEGERI	URUS SETIA JIS-K	URUS SETIA JIS-K
15 Februari 2024	26 Februari 2024	4 Mac 2024	Minggu ketiga Mac 2024	Minggu keempat Mac 2024
8 April 2024	22 April 2024	29 April 2024	Minggu kedua Mei 2024	Minggu ketiga Mei 2024
6 Mei 2024	27 Mei 2024	5 Jun 2024	Minggu keempat Jun 2024	Minggu kelima Jun 2024
10 Jun 2024	1 Julai 2024	8 Julai 2024	Minggu ketiga Julai 2024	Minggu keempat Julai 2024

Nota:

- * Jadual mesyuarat dan keputusan adalah tertakluk kepada keadaan semasa. Sebarang perubahan mesyuarat akan dimaklumkan di laman sesawang dan media sosial JKKN.
- * Penyaluran Insentif Kewangan ke akaun pemohon dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja atau 30 hari sebelum tarikh program, selepas keputusan mesyuarat JIS-K diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC atau selepas **Sijil Setem dan Surat Setuju Terima** dimuat naik oleh pemohon dan diterima oleh urus setia.

6. Prosedur Penyaluran Insentif Seni – Kewangan

- 6.1 Pihak JKKN akan menghubungi pemohon melalui surat atau e-mel bagi memaklumkan keputusan permohonan sekurang-kurangnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Insentif Seni – Kewangan diluluskan oleh Pegawai Pengawal MOTAC.
- 6.2 Pemohon yang berjaya, WAJIB mengisi Surat Setuju Terima (SST) serta **mematikan setem** dan memuat naik **Sijil Setem dan Surat Setuju Terima** ke urus setia dalam tempoh tujuh (7) hari bagi membolehkan proses penyaluran kewangan ke akaun pemohon dilakukan.

- 6.3 Jumlah penyaluran kewangan bagi permohonan yang diluluskan akan dilakukan sebanyak **dua (2) kali** iaitu sebelum program dilaksanakan dengan jumlah **penyaluran pertama adalah antara 90%** daripada jumlah diluluskan, 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program. **Baki 10%** akan disalurkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas laporan pelaksanaan program dan laporan kewangan yang **lengkap** dihantar ke urus setia JIS-K melalui JKKN negeri.
- 6.4 Penyaluran pembayaran kepada pemohon adalah melalui kaedah pindahan dana elektronik (*Electronic Fund Transfer-EFT*).

7. Nombor Dan Alamat Perhubungan

7.1 Urus Setia JIS-K di ibu pejabat JKKN:

- (i) Cik Dayang Nur Fatima binti Abg Mohamad (03 2614 8200 samb. 8208) / fatima.mohamad@jkkn.gov.my
- (ii) Pn. Sharifah Farah Adila binti Syed Faizal Badrul (03 26514 8200 samb. 8293) / sharifahadila@jkkn.gov.my
- (iii) Talian umum Urus Setia Insentif Seni JKKN – 03-26148200 samb. 8264 / psnb@jkkn.gov.my

7.2 Pegawai Perhubungan di JKKN negeri-negeri dan alamat JKKN Negeri bagi Penghantaran Borang Permohonan dan Laporan Pelaksanaan Program:

BIL	JKKN NEGERI	NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TELEFON
1	Perlis	i. Encik Hisham Bin Mat Husein ii. Puan Siti Rohayu Binti Muhamad Alamat: Kompleks JKKN Perlis Persiaran Wawasan Kangar 01000 Kangar, Perlis	hisham@jkkn.gov.my rohayu@jkkn.gov.my	04-979 3600
2	Kedah	i. Encik Mohamad Fahmi Bin Che Mit ii. Puan Fariza Binti Ahmad Alamat: Kompleks JKKN Kedah Lot Ptd 400, Pumpong 05250 Alor Setar, Kedah	fahmi@jkkn.gov.my fariza@jkkn.gov.my	04-737 2223

BIL	JKKN NEGERI	NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TELEFON
3	Pulau Pinang	<p>i. Encik Zurairi Bin Hanip ii. Encik Ahmad Fitri Bin Nordin</p> <p>Alamat: Kompleks Pustaka Warisan Seni Lot No. 2180 Lintang P.Ramlee Off Jalan P. Ramlee 10460 Pulau Pinang</p>	<p>zurairi@jkkn.gov.my fitrinordin@jkkn.gov.my</p>	04-281 7791
4	Perak	<p>i. Puan Zaiton Binti Zakaria ii. Puan Noorlisa Masni Binti Abdul Latif</p> <p>Alamat: Kompleks JKKN Perak Lot 20561@ 20565 Jalan Caldwell, Off Jalan Raja Di Hilir 30350 Ipoh, Perak</p>	<p>zaiton@jkkn.gov.my noor.masni@jkkn.gov.my</p>	05-253 7001
5	Selangor	<p>i. Encik Khairul Anuar Bin Samsuddin ii. Encik Hasmadi Bin Hassan</p> <p>Alamat: Tingkat 6, Menara Korporat Kompleks IDCC Shah Alam Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15 40200 Shah Alam, Selangor</p>	<p>khairulanuar@jkkn.gov.my hasmadi@jkkn.gov.my</p>	03-55431419
6	WP Kuala Lumpur	<p>i. Encik Jumali Bin Azudin ii. Puan Nor Fazilla Binti Isa</p> <p>Alamat: Kompleks JKKN WPKL Jalan Tun H.S Lee 50000 Kuala Lumpur</p>	<p>jumali@jkkn.gov.my fazilla@jkkn.gov.my</p>	03-2072 6431
7	Negeri Sembilan	<p>i. Puan Zanariah Binti Abu Bakar</p> <p>Alamat: Kompleks JKKN Negeri Sembilan, Jalan Sungai Ujong 70200 Seremban,</p>	<p>zanariah@jkkn.gov.my</p>	06-763 6308

BIL	JKKN NEGERI	NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TELEFON
		Negeri Sembilan		
8	Melaka	i. Puan Fiza Farika binti Mohd Yasin ii. Puan Norazlina Binti Othman Alamat: Kompleks JKKN Melaka Hang Tuah Jaya, Lebu Ayer Keroh 75450, Melaka	fiza@jkkn.gov.my norazlina@jkkn.gov.my	06-233 1790
9	Johor	i. Encik Azizol Bin Ahmad ii. Encik Muhammad Nizam Bin Ahmad Alamat: Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso No 26, Jln Susur 5 Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin 80200 Johor Bahru, Johor	azizol@jkkn.gov.my mnizam@jkkn.gov.my	07-224 8270
10	Pahang	i. Puan Nurmizanun Binti Saari ii. Puan Milyana Binti Arshad Alamat: Kompleks JKKN Pahang Lot 57100, Jalan Teluk Sisek 25000 Kuantan, Pahang	nurmizanun@jkkn.gov.my milyana@jkkn.gov.my	09-517 8466
11	Terengganu	i. Encik Azaha Bin Othman ii. Encik Rezuan Bin Masatur Alamat: Kompleks JKKN Terengganu Kuala Ibai 20400 Kuala Terengganu, Terengganu	azaha@jkkn.gov.my rezuan@jkkn.gov.my	09-617 8831
12	Kelantan	i. Puan Rahayu Normani Binti Ismail ii. Encik Mohd Zanidizam Bin Mohd Dila	rahayu@jkkn.gov.my zanidizam@jkkn.gov.my	09-741 7000

BIL	JKKN NEGERI	NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TELEFON
		Alamat: Kompleks JKKN Kelantan Lot 1993, Seksyen 49, Tanjong Chat 15200 Kota Bharu, Kelantan		
13	Sarawak	i. Puan Norsyahrul Syafsaidatina Binti Ismail ii. Encik Mohd Juhan Bin Junaidi Alamat: Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93000 Kuching, Sarawak	syafsaidatina@jkkn.gov.my juhan@jkkn.gov.my	082-422 006
14	Sabah	i. Encik Mohamed Irwansyah bin Surya ii. Puan Limida Binti A.Halim Alamat: Jalan Tasik Off KM 4 Jalan Penampang, 88200 Kota Kinabalu, Sabah	irwansyah@jkkn.gov.my limida@jkkn.gov.my	088-205 070

7.3 Pertanyaan secara bertulis juga boleh dihantar ke alamat berikut;

Urus Setia Jawatankuasa Insentif Seni

Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya (PS&B)
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Aras 30, Menara TH Perdana
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 KUALA LUMPUR
Tel: 03 2614 8200 samb. 8233/8293
No.Faks: 03 2697 1066
E-mel: psnb@jkkn.gov.my